

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JULAI 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

## OPR kekal rangsang ekonomi



SENTIMEN pembelian hartanah tempatan dijangka kekal sihat dalam tempoh masa terdekat dengan pengkalan OPR bulan ini. – GAMBAR HIASAN

# OPR kekal rangsang ekonomi

**PETALING JAYA** – Pengkalan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada paras tiga peratus oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bulan ini dilihat memberikan sedikit kelegaan jangka pendek buat sektor hartanah.

MIDF Research dalam satu nota kajian yang diterbitkan semalam berkata, pengkalan OPR bersifat positif kepada sektor berkenaan kerana sentimen pembelian hartanah dijangka kekal sihat tanpa kenaikan OPR.

"OPR yang lebih tinggi akan meningkatkan kos pembiayaan

pinjaman perumahan, seterusnya mengurangkan minat belian dan pengkalan OPR turut dijangka memberi manfaat kepada pemaju dari segi kos pembiayaan.

"Kos pembiayaan untuk pemaju hartanah diunjurkan kekal stabil dalam jangka masa terdekat kerana beberapa pemaju mempunyai pendedahan yang tinggi terhadap hutang kadar terapung.

"Selain itu, kami berpendapat bahawa penurunan kedlamatan tidak terjual pada suku tahun pertama 2023 berikutan pembu-

kaan semula sempadan negara turut membantu menyokong sentimen mengenai saham hartanah," katanya.

Firma penyelidikan pasaran itu menambah, berdasarkan data BNM, permohonan pinjaman untuk pembelian hartanah pulih pada Mei lalu sebanyak 23 peratus bulan ke bulan selepas menyaksikan penurunan sebanyak 23 peratus bulan ke bulan pada April.

Jelasnya, lantunan semula itu mungkin disebabkan oleh permohonan pinjaman yang lebih tinggi selepas rehat un-

tuk musim perayaan pada April 2023.

"Pada masa sama, minat membeli mungkin akan merosot sedikit selepas BNM meningkatkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada tiga peratus pada Mei 2023.

"Secara kumulatif, jumlah pinjaman yang diluluskan berjumlah RM106.5 bilion untuk lima bulan pertama tahun ini, peningkatan sebanyak 10 peratus tahun ke tahun yang merupakan petanda baik untuk prospek jualan hartanah baharu buat pemaju," katanya.